



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 2/2025
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sepanjang bulan Ramadhan bermula dari tahun Hijrah 1446/2025 Masihi dan tahun-tahun berikutnya adalah seperti berikut:-

Hari Isnin hingga Khamis - Jam 8.00 pagi hingga
dan Hari Sabtu - 2.00 petang

2. Bagi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang bertugas pada hari Jumaat waktu bertugas adalah seperti berikut:-

Hari Jumaat - Jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi

3. Sementara pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Kementerian/Jabatan masing-masing.

4. Surat Keliling ini mula berkuatkuasa pada 28hb Februari 2025.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

‘Bersatu Mencapai Cita Negara’

[AJMAN BIN HAJI MELUDIN]

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : (2) JPM/SK/2025

Tarikh: 28 Syaaban 1446
28 Februari 2025